

>> BERITA > NASIONAL > Segerakan proses kelulusan geran, bantuan untuk PKS digital

Segerakan proses kelulusan geran, bantuan untuk PKS digital

|| 07 September 2021



Annuar Musa - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - [DIKEMASKINI] Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) diminta supaya menyejajaskan proses meluluskan geran dan bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) digital.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa menerusi cipatan di Twitter rasminya pada Selasa menyatakan, lebih RM40 juta yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut perlu diluluskan tahun ini.


"Saya tekankan supaya setiap permohonan mesti diproses dan dibuat keputusan dalam tempoh tidak lebih daripada 60 hari," katanya.

MDEC, sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, antara lain merupakan pengurus program untuk Geran Automasi Pintar (SAG), geran sepadan yang bertujuan membantu PKS dalam industri perkhidmatan untuk meningkatkan dan menambah baik perniagaan melalui digitalisasi.

Sementara itu, Annuar berkata, antara inisiatif MDEC termasuk program #SayaDigital yang berperanan meningkatkan penerimaan dan kemahiran digital dalam kalangan rakyat dan PKS tempatan merangkumi program seperti 100GoDigital dan Perkhidmatan eDagang Setempat (PedAS).

Katanya, usaha mendigitalkan 300,000 PKS turut dirancakkan menerusi kempen Go-eCommerce dan Shop Malaysia Online selain kempen 'Malaysia, Nadi Digital ASEAN' yang diwujudkan bertujuan menarik pelaburan bermaklai tinggi dan mencipta peluang pekerjaan teknologi yang mantap.

Mengucapkan selamat ulang tahun ke-25 MDEC, Annuar dalam pada itu turut melahirkan harapan agar agensi berkenaan di bawah ketua pegawai eksekutif yang baharu dilantik, Mahadhir Aziz akan terus dapat meningkatkan usaha memacu ekonomi digital negara. - Bernama

**TERKINI | POPULAR**

- 1 Merdekakah kita?
- 2 Lelaki maut akibat parah di pergelangan tangan
- 3 Pembantu perubatan maut nahas ambulans dengan lori treler
- 4 Dua beradik pamer aksi drift, bergelut di PPV ditahan
- 5 "Sasaran 100 hari bulan keutamaan rakyat ketika...

